

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang 1994/95

April 1995

MSG372 - Teknik Kuantitatif Untuk Pengurusan I
Masa : [3 jam]

Jawab SEMUA soalan

1. (a) Syarikat APOLLO menjual 10 jenis barangan stok. Kegunaan tahunan dan kos seunit bagi setiap jenis barangan stok adalah seperti berikut:

Barangan Stok	Kegunaan Tahunan (unit)	Kos per unit (RM)
PN095	5,184	17.50
PN186	17,320	62.00
PN277	4,105	17.60
PN368	4,750	75.00
PN459	11,074	125.00
PN579	52,054	9.25
PN631	11,970	62.00
PN722	27,890	50.00
PN813	6,075	18.20
PN904	2,970	25.50

Dengan menggunakan analisis "ABC", tentukan barangan-barangan stok yang patut diberikan kawalan yang ketat.

(20/100)

- (b) Pada bulan Oktober, syarikat XYZ mesti menentukan bilangan kek yang perlu dipesan. Kos sebiji kek ialah RM20 dan ianya boleh dijual dengan harga RM45. Sebiji kek yang tidak dapat dijual sebelum 31 Disember akan dijual dengan harga RM7.50 sahaja. Taburan kebarangkalian bagi bilangan kek yang dapat dijual sebelum 31 Disember adalah seperti berikut:

Bilangan kek dijual	200	300	400	500	600
Kebarangkalian	0.20	0.30	0.30	0.15	0.05

Jika hanya satu pesanan dibenarkan dan kuantiti pesanan ialah gandaan 100, berapakah bilangan kek yang patut dipesan?

(30/100)

..... /2